

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**
(PAYA BESAR)
TARIKH : **24 OKTOBER 2019**

SOALAN

YB Tuan Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu di Malaysia yang tiada sijil lahir, pemegang kad pengenalan merah dan MyKad, mengikut pecahan jantina, umur, dan etnik serta berapakah permohonan kewarganegaraan yang telah dimasukkan, bilangan yang dalam proses, bilangan yang sudah lulus serta yang ditolak dari tahun 2014 sehingga kini dan apakah langkah Kementerian untuk mencegah sindiket penjualan MyKad yang ditumpaskan baru-baru ini yang dipercayai telah beroperasi selama 3 atau 4 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Statistik Pemegang MyPR Dari Tahun 2014 Hingga 30 September 2019

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya menyimpan rekod bagi **individu yang mendaftar** di JPN bagi urusan Kelahiran dan Kematian, Kad Pengenalan, Kewarganegaraan, dan Perkahwinan dan Perceraian (bagi yang beragama bukan Islam). Dalam hal ini, JPN tidak merekodkan individu yang tidak memiliki Sijil Kelahiran. Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2014 hingga 30 September 2019, sebanyak **264,192 orang memegang kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR)**. Perincian pemegang MyPR mengikut jantina, umur, dan etnik adalah seperti mana berikut:-

a. Jantina:

- i. 166,116 orang lelaki; dan
- ii. 98,076 orang wanita;

b. Julat Umur:

- i. 12 hingga 20 tahun: 2,865 orang;
- ii. 21 hingga 59 tahun: 162,856 orang; dan
- iii. 60 tahun ke atas: 98,471 orang.

c. Etnik:

- i. Lain-Lain Etnik: 216,967 orang;
- ii. India: 23,049 orang;
- iii. Cina: 16,294 orang; dan
- iv. Melayu: 7,882 orang.

Statistik Permohonan Kewarganegaraan Dari Tahun 2014 Hingga 30 September 2019

Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 30 September 2019, sebanyak **81,133** permohonan kewarganegaraan telah **diterima**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **13,151** permohonan telah **dianugerahkan kewarganegaraan** Malaysia, manakala **57,236** permohonan **sedang diproses** dan **10,746** permohonan **tidak diluluskan**.

Statistik Permohonan Kewarganegaraan Bagi Tahun 2018 Hingga 15 September 2019

Manakala, bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 15 September 2019 pula, sebanyak **24,466** permohonan kewarganegaraan di bawah semua **Perkara Perlembagaan Persekutuan** telah **diterima**. Perincian mengenai permohonan kewarganegaraan yang **diterima** mengikut kategori di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

- a) Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan: 4,142 permohonan;
- b) Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan: 2,253 permohonan;
- c) Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan: 10,328 permohonan;
- d) Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan: 1,037 permohonan; dan
- e) Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan: 6,706 permohonan.

Bagi tempoh yang sama, sebanyak **5,784** permohonan telah **dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia**. Perincian bagi permohonan yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia mengikut lima (5) Negara asal pemohon yang tertinggi adalah seperti mana berikut:-

- i. Indonesia: 2,028 permohonan;
- ii. India: 548 permohonan;
- iii. Thailand: 416 permohonan;
- iv. Filipina: 239 permohonan; dan
- v. Vietnam: 130 permohonan.

Syarat-Syarat Permohonan Kewarganegaraan Melalui Pendaftaran dan Naturalisasi

Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dua (2) kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu warga asing, iaitu melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN.82/1964] dan lain-lain yang perundangan berkaitan. Kaedah pemerolehan kewarganegaraan oleh warga asing sekiranya telah memenuhi syarat-syarat kelayakan adalah seperti mana berikut:-

Kewarganegaraan melalui **pendaftaran**:

1. Di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan bagi **isteri kepada warganegara Malaysia** dengan syarat-syarat berikut:-
 - a. Perkahwinan yang didaftarkan mengikut perundangan bertulis di Malaysia;
 - b. Suami kepada wanita warga asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
 - c. Perkahwinan masih wujud dan berterusan;
 - d. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi dua (2) tahun, yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
 - e. Berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM); dan
 - f. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM).
2. Di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi **individu berumur bawah 21 tahun** dengan syarat-syarat berikut:-
 - a. Sekurang-kurangnya salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara Malaysia;
 - b. Terdapat bukti keberadaan subjek di Persekutuan; dan
 - c. Penjaga yang ingin memohon perlu mengemukakan surat hak penjagaan daripada Mahkamah.

SOALAN: 16

3. Di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi **individu berumur bawah 21 tahun** dengan syarat-syarat berikut:-

Permohonan daripada Ibu / Bapa

- a. Ibu atau bapanya adalah warganegara Malaysia;
- b. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan;

Permohonan daripada Penjaga / Penganjur

- a. Penjaga subjek dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Permohonan untuk Anak Angkat

- a. Pengangkatan yang sah;
- b. Ibu atau bapa angkat adalah warganegara Malaysia;
- c. Perkahwinan ibu bapa angkat teratur;
- d. Terdapat bukti penjagaan dan keberadaan subjek di Persekutuan;

4. Di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan bagi **individu berumur 18 tahun dan ke atas yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka** dengan syarat-syarat berikut:-

- a. Memiliki Sijil Kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan;
- 5. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi tujuh (7) tahun, yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
- a. Berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM; dan
- b. Mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu.

Kewarganegaraan melalui **penaturalisasi** di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dengan syarat-syarat berikut:-

- a. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi 12 tahun, yang dikira daripada pegangan MyPR sebelum tarikh permohonan dibuat;
- b. Berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM; dan
- c. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.

Tuan Yang Di-Pertua,

KDN berpandangan bahawa kerangka perundangan sedia ada berkaitan dengan kewarganegaraan iaitu berdasarkan kepada Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain adalah cukup berkesan dalam memastikan tadbir urus yang saksama dan teratur. Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk mewujudkan perundangan baharu atau meminda Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun. SOP berkenaan yang akan dilaksanakan bermula tahun hadapan, mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak serta tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan.

Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti secara *case-by-case* mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes termasuklah tempoh mendapatkan laporan tapisan keselamatan yang dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebijakan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

SOALAN: 16

Berhubung dengan dakwaan bahawa Kerajaan telah memudahkan untuk memberi taraf kewarganegaraan kepada pelancong-pelancong dari China dan Hong Kong seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dakwaan berkenaan adalah tidak benar. Adalah ditegaskan bahawa, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kerajaan tidak sewenang-wenangnya memberikan kewarganegaraan kepada individu yang tidak berkelayakan. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahteraan anak, peraturan imigresen dan lain-lain.

Selain daripada itu, KDN mengambil maklum satu dakwaan “*Terdapat 200 Ribu Penerima Sijil Kewarganegaraan Baru Ikrar Sedia Balas Budi Kerajaan PH*” yang tular di media sosial “Facebook” dan “Twitter” oleh individu bernama Tengku Raja Alam Shah. Sehubungan dengan itu, satu kenyataan rasmi telah dikeluarkan oleh KDN bagi menafikan dakwaan tersebut dan meminta pihak yang bertanggungjawab tampil membuktikan dakwaan tersebut adalah sahih dan bukan bersifat tohmahan semata-mata. KDN melalui JPN memandang serius mengenai perkara ini dan satu laporan polis telah dibuat oleh Ketua Pengarah JPN sendiri pada 29 September 2019 di Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya agar siasatan dapat dilakukan terhadap pemilik akaun media sosial tersebut.

Statistik Pengeluaran MyKad

Tuan Yang Di-Pertua,

Dari tahun 2014 hingga 30 September 2019, **sebanyak 23,034,903 orang memegang kad pengenalan warganegara Malaysia (MyKad)**. Perincian pemegang MyKad mengikut jantina, umur, dan etnik adalah seperti mana berikut:-

d. Jantina:

- iii. 11,543,827 orang lelaki; dan
- iv. 11,491,076 orang wanita;

e. Julat Umur:

- i. 12 hingga 20 tahun: 4,137,879 orang;
- ii. 21 hingga 59 tahun: 15,500,729 orang; dan
- iii. 60 tahun ke atas: 3,396,295 orang.

f. Etnik:

- i. Melayu: 12,259,417 orang;
- ii. Cina: 6,066,328 orang;
- iii. Lain-lain etnik: 3,019,023 orang; dan
- iv. India: 1,690,135 orang.

Manakala, bagi tempoh dari tahun 2017 hingga 3 Oktober 2019 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jumlah pengeluaran MyKad kali pertama 12 tahun (My12) di seluruh negara mengikut tahun adalah seperti mana berikut:-

- a. Tahun 2017: 461,147 keping;
- b. Tahun 2018: 460,559 keping; dan
- c. Tahun 2019: 323,583 keping.

Kes Penjualan MyKad di Pulau Pinang

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Berhubung dengan penambahbaikan JPN, satu Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN telah diadakan pada 18 September 2019 dan memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi memperkemas sistem penyampaian JPN termasuk memperketatkan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) sedia ada JPN seperti berikut:-

- a. Kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123), kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN Negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai Ahli Panel;
- b. Meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di JPN termasuk terhadap *vendor* yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang telah ditetapkan;
- c. Menambah baik aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai, sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada pegawai atasan;
- d. Menukar penempatan pegawai JPN secara pusingan (*rotation*) bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua (2) tahun, untuk meminimumkan salah guna kuasa;

SOALAN: 16

- e. Menyemak dan mengemaskini data/rekod kelahiran, kematian dan kad pengenalan di pangkalan sistem JPN bagi mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan; dan
- f. Untuk jangka masa panjang, JPN meneliti cadangan agar diwujudkan Bank Data *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) atau kaedah-kaedah biometrik lain untuk dimasukkan dalam Sijil Kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

Berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak PDRM telah diberikan kuasa penuh untuk menyiasat secara menyeluruh kes ini agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa. Sehubungan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuahkan RCI berasingan bagi menyiasat kes berkenaan.